

**PKR mahu Parlimen diberikan masa mencukupi kaji TPPA**  
**The Malaysian Insider**  
**Oct 6, 2015**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu memberi penjelasan berhubung janji yang dibuat Putrajaya dalam perkara membabitkan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) memandangkan rundingan di kalangan 12 negara terbabit kini dimeterai dan tiada lagi perubahan akan dibuat terhadap isi kandungannya, kata PKR.

Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar juga mahu Dewan Rakyat diberikan masa mencukupi untuk meneliti perjanjian perdagangan setebal ratusan muka surat yang bakal menjejaskan Malaysia dalam banyak aspek.

Katanya, rakyat perlu dilindungi daripada kebimbangan mengenai harga ubat, perlindungan ketat harta intelek selain status syarikat milik negara seperti Khazanah, Petronas dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kebimbangan lain antaranya ialah cengkaman kepada mekanisme penghakiman dalam menyelesaikan perbalahan pelabur negara, penyelarasan hak pekerja dan kesan perniagaan asing terhadap usahawan industri kecil dan sederhana sedia ada.

"Kita perlu, bersama dengan ahli kumpulan masyarakat yang aktif, meneliti dengan sepenuhnya teks akhir TPPA.

"Perjuangan untuk memastikan TPPA dirunding dengan meletakkan keutamaan kepada kepentingan rakyat tidak akan berakhir hingga ia ditandatangani dan kita akan memastikan kita berada di situ hingga ke penghujungnya," kata Nurul Izzah dalam satu kenyataan awal pagi ini.

Nurul Izzah, yang juga ahli kaukus Parlimen mengenai TPPA mengecam ketidakhadiran Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mustapa Mohamed pada sidang akhbar pengumuman penutup rundingan, berkata itu menunjukkan bagaimana rundingan penting dikendalikan kementerian dan kerajaan.

"Menteri kita yang berkenaan sepatutnya hadir dalam proses itu hingga ke akhirnya.

"Ia membawa peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di APEC pada Oktober 2013 yang berjanji TPPA akan dibentangkan di Parlimen," kata Nurul Izzah.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu berkata kementerian itu juga memberitahu Dewan Negara kerajaan akan memastikan kepentingan negara dan rakyat tidak akan terjejas menjelang 'pakatan perdagangan abad ke-21' itu.

Beliau berkata, terma abad ke-21 itu sepatutnya menandakan persekitaran yang telus di mana orang awam, Parlimen dan masyarakat sivil diberikan akses kepada teks rasmi perjanjian itu.

Katanya, tidak ada ahli Parlimen pembangkang dalam kaukus itu mempunyai akses kepada teks rundingan yang sebenar.

Sehubungan itu, katanya, Najib perlu dipertanggungjawabkan untuk memenuhi segala janji beliau berkait TPPA.

"Kita perlu memastikan teks itu bukan saja mesti didedahkan; tetapi setiap ahli Parlimen wajib diberikan masa yang secukupnya untuk meneliti kandungan perjanjian tersebut yang dikhabarkan mencecah hampir 1,000 muka surat. – 6 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-mahu-parlimen-diberikan-masa-mencukupi-kaji-tpa>